

Headline	<b>KPTM sedia RM21.2 juta biayai tenaga pengajar</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>25. Sep 2008</b>	Page No	<b>17</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>140</b> cm2
Section	<b>Pendidikan</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217920</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2083000</b>	AdValue	



## KPTM sedia RM21.2 juta biayai tenaga pengajar

**K**OLEJ Poly-Tech Mara (KPTM) memperuntukkan RM21.2 juta untuk membiayai pengajian tenaga pengajarnya menerusi Skim Tenaga Tindakan Pengajar Mara yang diwujudkan tahun ini.

Daripada jumlah itu, RM5.32 juta untuk mempertingkatkan ke- layakan akademik pensyarah sedia ada, RM13.3 juta (graduan cemerlang) dan RM2.6 juta lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Rektor KPTM, Datuk Dr Mohd Razali Agus, berkata dua pensyarah kolej berkenaan akan melanjutkan pengajian peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) di Universiti Putra Malaysia.

Katanya, mereka ialah Roziyah Darus (Sains Komputer) dan Aznizai Mohamad (Perakaunan), manakala seorang lagi Nurhidayah Azmy (Kejuruteraan Awam) di Iowa States University, di Amerika Syarikat.

"KPTM juga akan menghantar tujuh graduan cemerlang dan seorang tenaga pengajar mengikuti pengajian peringkat sarjana di Coventry University, United Kingdom,

"Mereka ialah Nor Rosliza

Manaf, Nur Zahdi Mohd Nor Aldin, Khairul Azhar Khalid, Nur Hazwani Dzulkefly, Adam Shukry Ali, Nor Azura Salleh@ Omar, Nisrin Ishak dan Rosnida Mamat," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berkata, semua pelajar berkenaan mendapat tajaan penuh KPTM bertujuan menampung kekurangan pensyarah khususnya dalam bidang Sains Komputer, Multimedia, Kejururawatan, Kejuruteraan, Perakaunan dan Bahasa Inggeris.

Mohd Razali berkata, pihaknya akan mewujudkan dana sendiri bagi menampung kos perbelanjaan yang semakin meningkat.

"Kami juga dalam proses mengadakan program pengajian sendiri, selain menambah program kerjasama dengan universiti luar negara.

"Setakat ini, KPTM Kuala Lumpur mengadakan kerjasama dengan University Coventry dan kami merancang bekerjasama dengan sebuah universiti di Australia dan New Zealand.

"Sasaran kami supaya setiap kampus mempunyai rakan universiti di peringkat antarabangsa," katanya.